

## PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Kad Debit OCBC. Pastikan anda turut membaca Perjanjian Ahli Kad Debit OCBC sebelum menandatangani dan menggunakan Kad Debit OCBC. Semua rujukan kepada "OCBC", "kami" atau "kita" adalah bermaksud OCBC Bank (Malaysia) Berhad (Co. Reg. No. 199401009721).

**1. Apakah ciri-ciri produk ini?**

Kad Debit OCBC merupakan satu instrumen pembayaran yang membolehkan anda mengeluarkan wang tunai, membayar pembelian barang dan perkhidmatan, dan lain-lain. Semua jumlah transaksi akan dibayar secara terus dan didebitkan daripada akaun simpanan atau semasa OCBC pilihan anda yang kami luluskan (Akaun Ditetapkan), di mana akaun tersebut harus dikenakan dan dijalankan dengan Kad Debit OCBC anda. Sekiranya Akaun Ditetapkan tersebut ditutup, Kad Debit OCBC anda akan terbatas dan tamat dengan sendirinya.

**2. Apakah kebaikan produk ini?**

Anda boleh menggunakan Kad Debit OCBC anda untuk:

**• Pengeluaran Tunai ATM**

Pengeluaran tunai di dalam dan di luar negara dari lebih daripada 1 juta ATM di seluruh dunia dengan paparan logo OCBC, MEPS dan Mastercard.

**• Kemudahan Pembayaran**

Buat pembelian barang dan perkhidmatan (pembelian runcit) di mana-mana premis rakan dagang yang mengambil bahagian di seluruh dunia, sama ada di terminal bayaran atau dengan cara Transaksi Tanpa Kad (CNP), sila lihat di bawah. Kad Debit OCBC anda boleh digunakan di luar negara dan CNP hanya selepas anda memilih opsyen tersebut, sila lihat di bawah.

**• Transaksi Tanpa Sentuhan**

Buat pembelian runcit dengan sentuh Kad Debit OCBC anda pada terminal pembayaran dengan pembaca tanpa sentuhan. Nombor PIN tidak diperlukan untuk setiap transaksi tanpa sentuhan tidak melebihi RM250 di dalam Malaysia. Sila lihat di bawah untuk maklumat lebih lanjut mengenai fungsi transaksi tanpa sentuhan.

Lain-lain ciri Kad Debit OCBC termasuklah:

**• Nombor Pengenalan Peribadi (PIN)**

OCBC Bank akan mengeluarkan PIN untuk mengesahkan transaksi yang dinyatakan di atas. Sekiranya Kad Debit OCBC anda digunakan untuk pembelian runcit dalam talian yang memerlukan pengesahan yang kuat, anda akan menerima Kataluan-Satu-Kali (OTP) melalui khidmat pesanan ringkas (SMS). Sila simpan PIN dan OTP anda dengan betul dan selamat sepanjang masa untuk mengurangkan penipuan dan transaksi tanpa kebenaran menggunakan Kad Debit OCBC anda.

**• Pilihan untuk membuat transaksi luar negara dan Transaksi Tanpa Kad (CNP)**

(i) Semua Kad Debit OCBC secara amnya dihalang daripada transaksi luar negara dan CNP seperti pembelian runcit melalui dalam talian, pesanan mel, pesanan faks dan pesanan telefon.  
(ii) Anda hendaklah memilih opsyen ini terlebih dahulu sebelum boleh membuat transaksi Kad Debit OCBC di luar negara atau CNP. Pilihan ini boleh dibuat semasa membuka akaun, semasa permohonan kad debit, menghubungi nombor Pusat Perhubungan OCBC yang tertera di belakang Kad Debit OCBC atau log masuk ke Perbankan Internet OCBC.  
(iii) Anda boleh menukar pilihan ini dari masa ke masa.

**• Pengurusan kewangan yang lebih baik melalui penetapan had transaksi harian**

(i) Tetapkan "Had Pembelian Harian" dan "Had Pengeluaran Harian" mengikut kadar yang selesa dengan anda tetapi tertakluk pada maksimum RM5,000 menerusi Perbankan Internet OCBC atau kunjungi mana-mana cawangan OCBC kami. Had pembelian transaksi tanpa sentuh anda adalah sebahagian daripada "Had Pembelian Harian" anda.  
(ii) Anda boleh menetapkan Had Pembelian Harian pada

RMO sekiranya anda tidak memerlukan fungsi ini pada Kad Debit OCBC anda.

**• Makluman Transaksi SMS**

Menerima makluman transaksi SMS apabila transaksi melebihi amaun ambang. Anda boleh menetapkan amaun ambang melalui Perbankan Internet OCBC atau mengunjungi mana-mana cawangan OCBC kami. Jika anda gagal mengemaskini pada perubahan nombor telefon bimbit anda di OCBC, maka anda mungkin tidak sedar transaksi tidak sah sehingga terlambat dan anda akan mengalami kerugian.

**3. Apakah terma dan syarat utama?****• Jumlah pra-kebenaran untuk pam petrol automatik**

Jumlah pra-kebenaran sebanyak RM200 akan diperuntukkan dalam Akaun Ditetapkan untuk pembayaran yang dibuat dengan menggunakan Kad Debit OCBC anda di pam petrol automatik. Jumlah pra-kebenaran tersebut akan dilepaskan dan jumlah sebenar transaksi akan didebitkan daripada Akaun Ditetapkan dalam tempoh 3 hari bekerja selepas tarikh transaksi. Sekiranya baki dalam Akaun Ditetapkan adalah kurang daripada RM200, transaksi di pam petrol automatik akan ditolak.

**• Fungsi pembelian tanpa sentuhan**

- (i) Anda ada pilihan untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan fungsi transaksi tanpa sentuhan semasa pembukaan akaun, semasa permohonan kad debit atau pada bila-bila masa selepas itu melalui Perbankan Internet OCBC.
- (ii) Jika anda memilih untuk mengaktifkan fungsi ini, anda perlu pilih had kumulatif pembelian tanpa sentuhan sehingga RM500 dan kiraan kumulatif pembelian tanpa sentuhan sehingga 5 transaksi melalui Perbankan Internet OCBC atau kunjungi mana-mana cawangan OCBC kami.
- (iii) Jika pembelian tanpa sentuhan anda melebihi had kumulatif pembelian tanpa sentuhan dan/atau kiraan kumulatif pembelian tanpa sentuhan yang dipilih, anda perlu memasukkan PIN untuk meluluskan transaksi tersebut. Selepas anda melakukan transaksi PIN di terminal bayaran, had kumulatif pembelian tanpa sentuhan dan kiraan kumulatif pembelian tanpa sentuhan anda akan diset menjadi sifar dan anda boleh menggunakan Kad Debit OCBC anda untuk pembelian tanpa sentuhan yang seterusnya.

**4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Sila lihat sebelah.

**5. Apakah risiko-risiko utama saya?**

Jika Kad Debit OCBC anda hilang atau dicuri, atau PIN anda dikompromasi, pihak ketiga boleh menggunakan Kad Debit OCBC anda menerusi kaedah berikut (yang tidak dapat dibendung):

- pengeluaran tunai ATM
- pembelian runcit termasuklah transaksi luar negara dan CNP (jika anda telah memilih opsyen untuk membenarkan transaksi ini)
- pemindahan dana dan pembayaran bil melalui ATM

**6. Apakah kewajipan saya?**

- Mematuhi Perjanjian Ahli Kad untuk Kad Debit OCBC dan Terma dan Syarat bagi penggunaan Kad Debit OCBC;
- Berwaspada dan mengambil langkah sewajarnya untuk menyimpan Kad Debit dan PIN dengan selamat pada setiap masa, termasuk di tempat kediaman pemegang kad. Ini termasuk:
  - (i) Tidak mendedah butiran Kad Debit atau PIN kepada mana-mana pihak lain;
  - (ii) Tidak mencatat PIN pada Kad Debit, atau apa-apa yang disimpan bersama dengan kad;
  - (iii) Tidak menggunakan PIN yang dipilih daripada tarikh lahir, kad pengenalan, passport, lesen memandu atau nombor perhubungan; dan
  - (iv) Tidak membenarkan orang lain menggunakan Kad Debit dan PIN anda.
- Memaklumkan OCBC dengan secepat mungkin jika mendapati bahawa Kad Debit OCBC anda telah hilang, dicuri, transaksi yang tidak sah atau PIN telah terjejas;

- Memaklumkan OCBC sebaik mungkin selepas menerima makluman transaksi SMS untuk transaksi yang tidak diberi kuasa;
- Memaklumkan OCBC dengan segera jika ada sebarang perubahan pada nombor telefon anda;
- Gunakan Kad Debit OCBC dengan bertanggungjawab, termasuk tidak menggunakan Kad Debit untuk aktiviti haram; dan
- Menyemak penyata bulanan akaun semasa atau simpanan dan melaporkan sebarang percanggahan tanpa berlengah;
- Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian transaksi, anda hendaklah mengemukakan butir-butir seperti nama anda, akaun yang terlibat, tarikh dan jumlah transaksi terbabit serta alasan kenapa anda percaya transaksi itu dipertikaikan. Semua pertikaian transaksi akan disiasat dan jika didapati tidak betul, akan ditolak. Sekiranya bayaran telah dikeluarkan, anda hendaklah mengembalikannya dan semua perbelanjaan siasatan serta mendapatkan semula bayaran hendaklah ditanggung oleh anda. Laporan polis akan dibuat terhadap semua pertikaian palsu;
- Anda hendaklah memastikan terdapat dana yang mencukupi di dalam Akaun Ditetapkan sebelum membayar menggunakan Kad Debit OCBC anda. Pengeluaran melebihi had adalah tertakluk pada persetujuan awal dengan OCBC dan tertakluk pada pembayaran faedah pada kadar yang ditentukan oleh OCBC.

## 7. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan ini?

- Anda akan bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran berdasarkan PIN jika anda telah:
  - (i) bertindak penipuan, atau
  - (ii) menangguhkan dalam memaklumkan OCBC dengan secepat mungkin selepas mendapat kehilangan atau penggunaan Kad Debit OCBC anda tanpa kebenaran, atau
  - (iii) mendedahkan PIN anda kepada orang lain secara sukarela, atau
  - (iv) mencatatkan PIN pada Kad Debit OCBC anda, atau pada apa-apa yang disimpan bersama Kad Debit OCBC anda, yang mungkin boleh hilang atau dicuri dengan Kad Debit OCBC anda.
- Ahli Kad akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad transaksi tanpa sentuhan jika anda telah:
  - (i) bertindak penipuan, atau

- (ii) menangguhkan dalam memaklumkan OCBC dengan secepat mungkin selepas mendapat kehilangan atau penggunaan Kad Debit OCBC anda tanpa kebenaran, atau
- (iii) meninggalkan Kad Debit OCBC anda atau barang yang mengandungi Kad Debit OCBC anda tanpa pengawasan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain; atau
- (iv) memberi kebenaran orang lain menggunakan Kad Debit OCBC anda secara sukarela

## 8. Apa harus saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada OCBC sekiranya maklumat perhubungan anda berubah bagi memastikan semua surat-menyurat dan komunikasi tiba tepat pada masanya. Sila hubungi Pusat Perhubungan OCBC di talian +603 8317 5000 atau nombor yang tertera di belakang Kad Debit OCBC anda untuk mengemas kini maklumat perhubungan atau peribadi anda. Maklumat ini amat penting untuk kelancaran perkhidmatan kami kepada anda.

## 9. Di mana boleh saya dapatkan bantuan?

- Untuk aduan tentang produk atau perkhidmatan kami, anda bolehlah menulis kepada kami di: Customer Assurance Unit OCBC Bank - Service Transformation, Menara OCBC No. 18 Jalan Tun Perak 50050 Kuala Lumpur; Email: myexperience@ocbc.com atau menghubungi Pusat Hubungan OCBC di +603 8317 5000.
- Sekiranya jawapan kami kepada pertanyaan atau aduan anda masih kurang memuaskan, anda boleh menghubungi Customer Contact Centre (BNMTELELINK) Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur. Tel: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK); Luar Negara: 603-2174-1717 Waktu Operasi: 9.00 a.m. - 5.00 p.m. (Isnin - Jumaat kecuali cuti umum). Web form: telelink.bnmalaysia.gov.my

## 10. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut mengenai Kad Debit, sila rujuk laman web [www.ocbc.com.my](http://www.ocbc.com.my).

## 11. Produk Kad Debit OCBC yang sedia ada:

- Kad Debit OCBC
- Kad Debit Premier OCBC
- Kad Debit FRANK OCBC

| Yuran dan Caj                                      | Keterangan  |  |
|--|---|--|
| Yuran Pendaftaran <sup>1</sup>                     | RM8.00 (Yuran sekali bayar)   |  |
| Yuran Tahunan <sup>2</sup>                         | RM8.00 setahun  |  |
| Perkhidmatan Pengeluaran Tunai                     | Pengeluaran tunai dari mana-mana ATM luar negara yang tertera logo Mastercard   | RM10.00 untuk setiap pengeluaran   |
|  | Pengeluaran tunai domestik dari ATM bank yang menyertai rangkaian ATM perkongsian PayNet (MEPS)   | Sehingga RM1.00 untuk setiap pengeluaran<br>(Yuran akan ditentukan oleh Institusi Kewangan yang memberikan perkhidmatan ATM) |
|  | Pengeluaran dari mana-mana ATM di bawah kendalian kumpulan OCBC yang tertera logo OCBC Bank di Malaysia, Singapura, Macau, Hong Kong dan Indonesia  | Tiada Caj  |
| Yuran MyDebit Cash Out                             | RM0.50 untuk setiap transaksi   |  |
| Pemindahan Segera MEPS menerusi rangkaian ATM MEPS | Amaun transaksi RM5,000 dan ke bawah  | Tiada Caj  |
|  | Amaun transaksi melebihi RM5,000  | Yuran akan ditentukan oleh Institusi Kewangan yang memberikan perkhidmatan ATM   |
| Pemindahan Segera MEPS dari ATM OCBC               | Tiada Caj   |  |
| Yuran Penggantian Kad                              | RM12.00   |  |
| Yuran Dapatkan Semula Resit Jualan                 | RM15.00 untuk salinan asli<br>RM8.00 untuk salinan kedua  |  |
| Yuran Tukaran Luar Negara                          | Kadar tukaran seperempena yang ditetapkan oleh Mastercard atau PayNet, ditambah apa-apa yuran pentadbiran yang dikenakan oleh Mastercard atau PayNet<br>Tiada caj pentadbiran tambahan daripada Bank. |  |

<sup>1</sup> Dikecualikan jika tukar kad ATM ke kad debit atau jika kad debit hanya dikaitkan kepada EasiSave Account, Basic Current Account, Aqil Savings Account-i dan/atau Mumtaz Current Account-i.

<sup>2</sup> Dikecualikan jika kad debit hanya dikaitkan kepada EasiSave Account, Basic Current Account, Aqil Savings Account-i dan/atau Mumtaz Current Account-i.